

SMART menang anugerah

KUALA LUMPUR, 13 Okt. - Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) memenangi kategori anugerah antarabangsa bagi Anugerah Industri Pembinaan British (BCIA) 2008 di atas kecemerlangannya dalam inovasi dan kejuruteraan.

BCIA merupakan anugerah berprestij British yang memberi pengiktirafan dalam bidang pembinaan dan kejuruteraan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Gamuda Bhd., BCIA merupakan anugerah paling berpengaruh dalam industri berkenaan dan sering dianggap sebagai anugerah 'Oscar' dalam bidang pembinaan.

Tambah syarikat itu, kemenangan SMART adalah bergantung kepada penyelesaian kejuruteraan inovatifnya yang menyelesaikan dua masalah yang sudah lama wujud di Kuala Lumpur.

Dua masalah yang berjaya diselesaikan itu adalah banjir di pusat bandar yang disebabkan limpahan air sungai dan kesesakan jalan raya di bahagian selatan bandar raya itu.

SMART disiapkan pada Jun 2007 yang lalu dan dijalankan secara usaha sama di antara MMC Corporation Bhd. dan Gamuda Bhd.